



PELAN STRATEGIK ICT

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

2021- 2025



ISI KANDUNGAN

MS 4-7

KATA ALUAN

KETUA PENGARAH JPPM
TIMBALAN KETUA PENGARAH JPPM

MS 8

ABSTRAK

MS 9-14

**MAKLUMAT
KORPORAT**

BAHAGIAN PENGURUSAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
(BPTM)

MS 15-20

RINGKASAN EKSEKUTIF

MS 21-26

MS 27-34

MS 35-41

TERAS 1 : PENGUKUHAN APLIKASI BERSEPADU DAN BERIMPAK TINGGI
TERAS 2 : PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT STABIL DAN SELAMAT
TERAS 3 : PEMANTAPAN TADBIR URUS ICT DAN MODAL INSAN

MS 42

PELAN PELAKSANAAN INISIATIF ICT JPPM 2021-2025

MS 43

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

MS 44

PENUTUP



PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dengan izinNya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah berjaya membangunkan Pelan Strategik ICT (PSICT) JPPM (2021-2025). PSICT JPPM ini merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju strategik kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan selaras dengan visi JPPM sebagai **“Peneraju Pembangunan Masyarakat Sivil”**.

PSICT JPPM dibangunkan selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 dan Pelan Strategik JPPM (2021-2025) dengan mengambil kira senario persekitaran semasa dalam memastikan ia sentiasa kekal relevan selaras dengan perubahan dan perkembangan dunia teknologi ICT. PSICT JPPM ini menyediakan satu pelan tindakan yang komprehensif bagi mewujudkan ekosistem pengurusan ICT yang baik dan efektif dalam menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan Jabatan.

Dalam memastikan kejayaan pelaksanaan strategi dan program yang telah ditetapkan di bawah **tiga (3) teras utama iaitu Pengukuhan Aplikasi Bersepadu dan Berimpak Tinggi, Pengukuhan Infrastruktur ICT Stabil dan Selamat serta Pemantapan Tadbir Urus ICT dan Modal Insan**, maka komitmen dan kerjasama seluruh warga JPPM amat diperlukan agar dapat merealisasikan hasrat JPPM ke arah penyampaian perkhidmatan digital yang efektif dan efisien.

Diharapkan agar PSICT JPPM (2021-2025) ini akan menjadi pemangkin dalam menyokong kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik JPPM (2021-2025) yang menggariskan perancangan jangka panjang dalam mencapai Visi dan Misi JPPM. Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan PSICT JPPM (2021-2025).

Sekian, terima kasih.

“ Dalam memastikan kejayaan pelaksanaan strategi dan program yang telah ditetapkan di bawah tiga (3) teras utama iaitu Pengukuhan Aplikasi Bersepadu dan Berimpak Tinggi, Pengukuhan Infrastruktur ICT Stabil dan Selamat serta Pemantapan TadbirUrus ICT dan Modal Insan maka komitmen dan kerjasama seluruh warga JPPM amat diperlukan agar dapat merealisasikan hasrat JPPM ke arah penyampaian perkhidmatan digital yang efektif dan efisien. ”



YBRS. PUAN MASYATI BINTI ABANG IBRAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



KATA ALUAN TIMBALAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) JPPM 2021 – 2025 kerana berjaya menerbitkan PSICT JPPM. Tahun 2020 telah menyaksikan pencapaian penting dalam merangka dan seterusnya menerbitkan PSICT JPPM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

Dalam menuju era revolusi industri 4.0, teknologi ICT merupakan faktor yang sangat penting dan menjadi asas kepada pembangunan masa hadapan negara. Elemen utama yang perlu diberi perhatian adalah memastikan teknologi ICT mampu meningkatkan kecekapan perancangan dan pengurusan ICT di JPPM, seterusnya memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan Kerajaan setempat secara selamat melalui pelbagai saluran digital. Pembangunan modal insan ICT juga perlu diberi perhatian dalam meningkatkan kompetensi dan kepakaran personel ICT selaras dengan kemajuan teknologi dan bidang baharu ICT. Ini secara tidak langsung mampu menggalakkan perkongsian sumber, menjimatkan kos dan mampu meningkatkan penglibatan rakyat dalam menambahbaik perkhidmatan Kerajaan.

Selaras dengan itu, perancangan yang teliti dan strategik perlu dirangka bagi setiap program yang dirancang dan akan dilaksanakan. PSICT JPPM ini disusun untuk dijadikan panduan kepada semua dalam memastikan ianya selaras dengan hala tuju Pelan Strategik JPPM. PSICT JPPM ini hanya boleh dicapai dengan komitmen dan penglibatan semua pihak. Ia juga merupakan satu mekanisme pengukuran bagi menilai tahap pelaksanaan dan impak bagi setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan.

Oleh itu, diharapkan semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan masing-masing untuk melaksanakan pelan komprehensif ini bagi merealisasikan hasrat JPPM menjadi peneraju penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus terbaik. Salam Hormat.



“

Dalam menuju era revolusi industri 4.0, teknologi ICT merupakan faktor yang sangat penting dan menjadi asas kepada pembangunan masa hadapan negara. Elemen utama yang perlu diberi perhatian adalah memastikan teknologi ICT mampu meningkatkan kecekapan perancangan dan pengurusan ICT di JPPM, seterusnya memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan Kerajaan setempat secara selamat melalui pelbagai saluran digital.

”



YBRS. EN WAN ZAINUL AZAM BIN KHAMID @ ABDUL MAJID
TIMBALAN KETUA PENGARAH
SELAKU KETUA PEGAWAI MAKLUMAT @
CHIEF INFORMATION OFFICER (CIO)
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

ABSTRAK

PSICT JPPM 2021-2025 merupakan pelan strategik yang mengandungi hala tuju ICT JPPM untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2025. Pelan ini merupakan pelan induk ICT bagi rujukan pegawai JPPM yang sejajar dengan Pelan Strategik JPPM 2021-2025. Strategi dan Program ICT yang dirancang adalah bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan digital JPPM secara cekap, telus dan selamat ke arah pengurusan kawal selia pertubuhan yang efisien. Pendigitalan perkhidmatan JPPM diharap dapat memacu pantas pembangunan masyarakat sivil cemerlang menjelang tahun 2025.




**MAKLUMAT KORPORAT
BAHAGIAN PENGURUSAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
(BPTM)**





CARTA ORGANISASI BPTM



OBJEKTIF DAN FUNGSI BPTM

1

Menyediakan dan
mempertingkatkan
kemudahan ICT
di JPPM;



2

Membantu warga
JPPM menggunakan
teknologi ICT agar
dapat melaksanakan
tugas dengan
sistematik dan
efisien; dan



3

Merancang dan
menguruskan
projek ICT yang
diluluskan oleh
Pengurusan
Tertinggi JPPM.



OBJEKTIF

FUNGSI

“ Bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun dan menyelenggara sistem maklumat berkomputer serta elemen berkaitan ICT JPPM bagi memenuhi keperluan semasa. ”



CARTA FUNGSI BPTM

UNIT KERAJAAN DIGITAL

- Mengurus pelaksanaan dan khidmat bantuan operasi dan penyelenggaraan bagi perkhidmatan Sistem eROSES, eXcess, ePematuhan sebagai perkhidmatan utama JPPM;
- Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Maklumat Geran (GKOM) yang merekod maklumat permohonan, kelulusan dan pembayaran peruntukan geran kepada pertubuhan;
- Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Portal MySociety yang menjadi portal komuniti kepada pertubuhan;
- Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Pengurusan Dokumen yang menyimpan rekod pendaftaran pertubuhan yang didaftarkan sebelum pelaksanaan Sistem eROSES;
- Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Aplikasi Perkongsian Maklumat sebagai membolehkan warga kerja JPPM menyimpan maklumat dengan lebih mudah pada bila-bila masa melalui capaian Internet;
- Membangunkan, mengurus dan menyelaras Sistem Automasi Pejabat dan sistem-sistem dalaman JPPM;
- Mengurus Data Terbuka (Open Data), Data Raya (Big Data) dan Pendigitalan Perkhidmatan;
- Pematuhan bagi pelaksanaan pensijilan *Information Security Management System (ISMS)*;
- Menyediakan manual sistem dan memberikan taklimat teknikal berkaitan sistem kepada warga JPPM dan AJK pertubuhan;
- Menjana data pertubuhan yang dipohon oleh agensi yang dibenarkan; dan
- Menjana statistik piagam pelanggan setiap bulan dan statistik penyata kewangan pertubuhan setiap tahun.





CARTA FUNGSI BPTM (SAMB.)

UNIT INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT

- Menguruskan sistem rangkaian *Local Area Network (LAN)* serta WiFi menggunakan *Putrajaya Campus Network (PCN)* dan *MyGovNet* yang disediakan oleh MAMPU;
- Menguruskan dan memastikan tahap keselamatan infrastruktur, rangkaian dan aset ICT JPPM adalah selamat dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan;
- Merancang, melaksana, mengurus operasi dan menyelenggara peralatan serta kemudahan lain di dalam Pusat Data JPPM;
- Menguruskan keperluan BPTM untuk menggunakan perkhidmatan Infrastruktur Pusat Data Sektor Awam (PDSA) MAMPU;
- Menguruskan keperluan warga JPPM untuk menggunakan *Virtual Private Network (VPN)* JPPM;
- Menguruskan keperluan dan kontrak peralatan ICT sewaan JPPM;
- Menguruskan keperluan dan kontrak peralatan Keselamatan CCTV sewaan JPPM;
- Menguruskan keperluan dan kontrak Sistem Kehadiran *Face Recognition* sewaan JPPM;
- Menguruskan aduan dan menyelenggara aset ICT JPPM melalui kontrak bersama dengan KDN;
- Menguruskan perkhidmatan emel rasmi yang digunakan oleh warga JPPM, perkhidmatan sistem kehadiran secara elektronik, perkhidmatan penyelenggaraan peralatan rangkaian JPPM, perkhidmatan penyelenggaraan lesen antivirus JPPM dan perkhidmatan *Desktop Monitoring System (DMS)* melalui kontrak bersama dengan KDN;
- Merancang dan membangunkan *Disaster Recovery Plan (DRP)* serta *Disaster Recovery Center (DRC)* untuk JPPM;
- Menguruskan keperluan dan perolehan perisian ICT JPPM;
- Mengurus keperluan teknikal, kepenggunaan dan operasi sistem perolehan kerajaan (iGFMAS dan ePerolehan);
- Pematuhan bagi pensijilan *Information Security Management System (ISMS)*; dan
- Menguruskan keperluan teknikal untuk mesyuarat serta majlis rasmi JPPM seperti penyediaan infografik, montaj, video pendek dan lain-lain projek multimedia.





CARTA FUNGSI BPTM (SAMB.)

UNIT DASAR DAN KHIDMAT OPERASI

- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan Laman Web Rasmi JPPM sebagai sebuah portal rasmi Jabatan yang menyediakan perkhidmatandan capaian maklumat JPPM kepada warga JPPM dan orang awam;
- Mengurus, mengemaskini dan memantau pelaksanaan program di bawah Pelan Strategik ICT (PSICT) JPPM;
- Mengurus, mengemaskini dan membuat hebahan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JPPM terkini selaras dengan keperluan semasa;
- Mempertingkatkan tahap keselamatan maklumat Sistem eROSES melalui pengurusan dan pelaksanaan pensijilan ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System (ISMS)* JPPM bagi Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri;
- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan Intranet JPPM yang dibangunkan bagi memberi kemudahan capaian terhadap aplikasi dalaman JPPM secara bersepadu serta memudahkan perkongsian ilmu dan maklumat di kalangan warga JPPM dan orang awam;
- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan Sistem MyLatihan JPPM yang digunakan di Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri;
- Melaksanakan aktiviti pengurusan Aset ICT JPPM berdasarkan Pekeliling Pengurusan Aset Alih Kerajaan melalui penggunaan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA);
- Menguruskan perolehan ICT yang diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi JPPM melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) JPPM;
- Mengurus keperluan dan melaksanakan latihan ICT termasuklah sesi *technology update ICT* yang diperlukan oleh warga kerja JPPM berkaitan penggunaan dan kemahiran ICT terkini serta mengikut keperluan semasa;
- Mengurus keperluan teknikal, kepenggunaan dan operasi bagi pelaksanaan HRMIS di Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri;
- Mengurus dan mengemaskini maklumat di dalam Sistem MyMesyuarat, Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT), Sistem myIDENTITY dan Sistem MyStatistik KDN;
- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan mesyuarat yang melibatkan BPTM dan Pengurusan Tertinggi JPPM termasuklah Mesyuarat JPIC JPPM, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISMS, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web JPPM, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Pembangunan dan Penyenggaraan Laman Web JPPM dan Mesyuarat BPTM;
- Melaksanakan pengurusan rekod dan akaun pengguna Sistem eROSES dan emel rasmi JPPM; dan
- Merancang, memantau dan mengawal selia semua aspek pengurusan ICT, hal ehwal pentadbiran dan keperluan semasa setiap unit di BPTM.





RINGKASAN EKSEKUTIF



PENGENALAN

Perancangan ICT adalah penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif dan projek ICT selari dengan hala tuju dan matlamat organisasi. Perancangan strategik tersebut perlulah memfokuskan kepada inisiatif ICT yang berkeutamaan dan memberi impak tinggi kepada penyampaian perkhidmatan organisasi. Pelan Strategik ICT (PSICT) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah disediakan bagi menggariskan perancangan pelaksanaan inisiatif ICT untuk tempoh lima (5) tahun akan datang bermula tahun 2021 sehingga tahun 2025. PSICT JPPM ini telah mengambil masa selama empat (4) bulan untuk dibangunkan dan dirangka sepenuhnya bermula bulan Ogos 2020 sehingga bulan November 2020.

VISI DAN MISI



VISI

Pendigitalan Perkhidmatan
Pendaftaran Pertubuhan
Sebagai Pemacu Pembangunan
Masyarakat Sivil Cemerlang



MISI

Memantapkan Perkhidmatan
Digital Secara Cepak, Telus Dan Selamat
Ke Arah Pengurusan Kawal Selia
Pertubuhan Yang Efisien

TERAS STRATEGIK ICT

Teras Strategik dan Objektif Strategik ICT



1. PENGUKUHAN APLIKASI BERSEPADU DAN BERIMPAK TINGGI

- Memperkukuhkan aplikasi secara menyeluruh dan bersepadu bagi meningkatkan kualiti data dan perkongsian maklumat pertubuhan.
- Mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital teknologi terkini ke arah pembangunan pertubuhan yang mampan dan kesejahteraan rakyat.



2. PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT STABIL DAN SELAMAT

- Meningkatkan keupayaan dan ketersediaan infrastruktur ICT bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan efisien dan efektif.
- Memperkukuhkan keselamatan infrastruktur ICT bagi menjamin integriti dan kerahsiaan maklumat.



3. PEMANTAPAN TADBIR URUS ICT DAN MODAL INSAN

- Memperkasakan dasar dan tadbir urus ICT bagi menyokong pelaksanaan inisiatif pendigitalan perkhidmatan secara efektif dan efisien.
- Memperkukuhkan kemahiran dan pembudayaan ICT bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

PENJAJARAN TERAS STRATEGIK ICT DENGAN TERAS STRATEGIK JPPM 2021 – 2025

Teras Strategik ICT JPPM perlu diselaraskan dengan Teras Strategik JPPM bagi memastikan segala perancangan strategik ICT dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan. Justeru itu, penjajaran Teras Strategik ICT JPPM adalah seperti berikut:

TERAS STRATEGIK ICT JPPM 2021-2025



TERAS STRATEGIK JPPM 2021-2025



RUMUSAN PELAN STRATEGIK ICT JPPM



TERAS 1

PENGUKUHAN APLIKASI BERSEPADU DAN BERIMPAK TINGGI

- 3** STRATEGI
- 9** PROGRAM
- 9** KPI



TERAS 2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT STABIL DAN SELAMAT

- 2** STRATEGI
- 9** PROGRAM
- 9** KPI



TERAS 3

PEMANTAPAN TADBIR URUS ICT DAN MODAL INSAN

- 3** STRATEGI
- 9** PROGRAM
- 9** KPI

TERAS 1



**PENGUKUHAN
APLIKASI
BERSEPADU
DAN BERIMPAK
TINGGI**



TERAS 1

PENGUKUHAN APLIKASI BERSEPADU DAN BERIMPAK TINGGI



3

STRATEGI

9

PROGRAM


Menumpukan kepada penjenamaan semula sistem utama JPPM di samping meningkatkan keberkesanan saluran penyampaian perkhidmatan digital. Inisiatif-inisiatif tersebut akan disokong dengan fungsi dan ciri-ciri baharu selaras dengan perkembangan teknologi digital terkini.



PENGUKUHAN PERKHIDMATAN
TERAS DI PERSEKITARAN
PLATFORM DIGITAL



PENGUKUHAN GERBANG
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
DIGITAL, DINAMIK DAN RESPONSIF



PENGUKUHAN
APLIKASI SOKONGAN DAN
PENAMBAHBAIKAN
APLIKASI SEDIA ADA





STRATEGI 1

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN TERAS DI PERSEKITARAN PLATFORM DIGITAL

Bagi memenuhi perubahan persekitaran dan keperluan baharu di JPPM, pembangunan aplikasi baharu akan dilaksanakan bagi menyokong perkongsian maklumat dengan lebih meluas, berintegriti, efisien dan efektif.

Program 1

1a. Pembangunan Sistem eROSES 2.0 >>>>

Sistem eROSES merupakan sistem utama yang amat penting dalam melaksanakan fungsi JPPM. Terdapat keperluan untuk memperkemaskan proses kerja utama dan membangunkan semula sistem ini bagi memenuhi keperluan selaras dengan perubahan teknologi terkini.



Sistem eROSES 2.0 selesai
dibangunkan dan
digunakan sepenuhnya

KPI

**Tahun
Sasaran
2021 - 2022**

Program 2

1b. Penyelenggaraan Sistem eROSES 2.0 >>>>

Pelaksanaan Sistem eROSES 2.0 diteruskan dengan satu (1) tahun jaminan dan dua (2) tahun penyelenggaraan bagi tahun-tahun berikutnya.

KPI

Sistem eROSES 2.0
diselenggara dengan baik
dan dapat digunakan
secara optimum



**Tahun
Sasaran
2023 - 2025**



STRATEGI 2

PENGUKUHAN GERBANG PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL, DINAMIK DAN RESPONSIF

Bagi menyediakan perkhidmatan yang efektif dan efisien, gerbang penyampaian perkhidmatan digital akan diperkukuhkan.

Program 1

2a. Naik Taraf Portal MySociety >>>

Portal MySociety JPPM akan dinaik taraf untuk dijadikan platform utama komunikasi antara JPPM dan pertubuhan yang mempunyai modul-modul utama termasuklah *Centre of Society Excellence (CoSE)*, *Interactive Online Course Learning* dan Sistem Online-Assist Pertubuhan.



Program 2

2b. Naik Taraf Portal Rasmi JPPM >>>

Portal Rasmi JPPM adalah saluran utama penyampaian maklumat dan perkhidmatan kepada rakyat dan komuniti. Oleh itu platform teknologi baharu dan reka bentuk menarik perlu diperlengkapkan kepada portal ini termasuklah modul Interaksi dengan Pelanggan (InteractROS) yang mempunyai ciri-ciri *Auto Bot - Helpdesk* dan *Mobile Apps*.



Program 3

2c. Naik Taraf dan Peluasan Sistem Pengurusan Aduan JPPM >>>

Sistem Pengurusan Aduan di JPPM akan dipertingkatkan sebagai satu (1) pusat untuk menyelaraskan semua aduan dengan lebih menyeluruh dan wajar dijadikan sebagai satu (1) saluran tunggal kepada apa jua permasalahan yang berkaitan dengan perkhidmatan JPPM. Program ini dirancang untuk memperluaskan sistem yang bersepadu ini ke seluruh JPPM termasuk JPPM Negeri.

Peluasan integrasi dan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan di semua JPPM Negeri.

KPI

Tahun Sasaran 2022



STRATEGI 3

PENGUKUHAN APLIKASI SOKONGAN DAN PENAMBAHBAIKAN APLIKASI SEDIA ADA

Sistem sedia ada perlu diperkukuhkan bagi mengoptimumkan keberkesanan sistem dan memenuhi keperluan baharu dari aspek fungsi dan teknologi semasa.

Program 1

3a. Pembangunan Sistem Pengurusan Aset ICT >>>

Sistem ini bertujuan untuk menyelaraskan semua urusan yang berkaitan dengan aset ICT JPPM bermula daripada perolehan sehingga kepada urusan pelupusan aset. Dengan cara ini pengurusan dan pemantauan peralatan ICT akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

Sistem Pengurusan Aset ICT selesai dibangunkan dan digunakan sepenuhnya.

KPI

Tahun Sasaran 2024

Program 2

3b. Penambahbaikan Sistem Pengurusan Pertubuhan Dan Penyelenggaraan Sistem Sedia Ada. >>>

Penambahbaikan berterusan diperlukan untuk sistem sedia ada. Terdapat keperluan untuk sistem diselenggara atau ditambahbaik sebelum kerja-kerja naik taraf sistem selesai.



Sistem sedia ada diselenggara dengan baik dan dapat digunakan secara optimum

KPI

**Tahun Sasaran
2021-2023**

Program 3

3c. Penambahbaikan Sistem APM DMS >>>

Sistem ini bertujuan sebagai tempat simpanan atau repositori bahan/maklumat JPPM. Pendekatan baharu dalam mempromosi penggunaan dan antara muka yang lebih menarik perlu diterapkan dalam penambahbaikan sistem ini.



Sistem APM DMS selesai ditambahbaik

KPI

**Tahun Sasaran
2021**

Program 4

3d. Penambahbaikan Sistem MyLatihan >>>

Sistem MyLatihan sedia ada boleh dipertingkatkan penggunaannya. Sistem ini perlu berupaya digunakan dalam mengurus perkara yang berkaitan dengan latihan semua warga JPPM. Sistem ini juga perlu menyediakan maklumat latihan yang bersepadu dan sentiasa dikemaskini untuk tujuan perancangan latihan yang berkesan.



Sistem MyLatihan selesai ditambahbaik

KPI

**Tahun Sasaran
2022**





TERAS 2



**PENGUKUHAN
INFRASTRUKTUR
ICT YANG STABIL DAN
SELAMAT**



TERAS 2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT STABIL DAN SELAMAT



Penguhan infrastruktur ICT mengambil kira semua aspek yang berkaitan merangkumi peralatan untuk kakitangan, rangkaian komputer, keselamatan dan perlindungan dari bencana serta penguhan pusat data JPPM ke arah membangunkan infrastruktur ICT yang komprehensif dan selamat serta mampu menyokong pembangunan sistem aplikasi.



**PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR
ICT SECARA TERANCANG**



**PENGUKUHAN KAWALAN DAN
KESELAMATAN ICT**

STRATEGI 1



PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA TERANCANG

Kajian dan semakan mengenai status serta ketersediaan rangkaian, fasiliti dan keperluan peralatan tambahan perlu dilakukan bagi mengenal pasti peralatan, spesifikasi dan juga kuantiti yang diperlukan berdasarkan persekitaran semasa.

Program 1

1a. Pelaksanaan Kajian dan Penyediaan Pelan Perancangan Keperluan ICT Jangka Masa Sederhana



Kajian ini adalah bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan dengan keperluan dan keupayaan infrastruktur ICT (2023 - 2025) di JPPM dilaksanakan mengikut skop dan terancang.

KPI

Satu (1) Laporan Kajian dan Pelan Perancangan Keperluan ICT (2023-2025) disediakan.

Tahun Sasaran
2021

Program 2

1b. Perolehan Baharu dan Penggantian Peralatan ICT



Perolehan baharu dan penggantian peralatan ICT (2021 - 2025) di JPPM akan dilaksanakan secara sewaan. Objektif utama program ini adalah bagi menyediakan peralatan, perisian dan lesen serta menggantikan peralatan ICT lama yang tidak lagi ekonomik untuk dibaiki. Seterusnya memastikan Jabatan mendapat peralatan ICT yang sesuai dan terkini dalam memenuhi ekspektasi pengguna/pelanggan.

KPI

Sewaan peralatan ICT terancang bagi tempoh 2021-2025

Tahun Sasaran
2021-2025

Program 3

1c. Pelupusan Aset ICT JPPM (2021 – 2024) >>>

Kajian dan pelupusan aset ICT (2021 - 2024) di JPPM ini akan dilaksanakan secara berperingkat merangkumi dua (2) fasa iaitu Pelupusan Aset ICT pada tahun 2021 dan Pelupusan Aset ICT pada tahun 2024. Objektif utama aktiviti pelupusan ini dilaksanakan adalah bagi memastikan tiada lagi peralatan ICT usang yang disimpan. Seterusnya membantu Jabatan mendapatkan kapasiti sebenar keperluan peralatan ICT di JPPM.

KPI

Pelaksanaan aktiviti pelupusan aset ICT JPPM

Tahun Sasaran

2021 & 2024

Program 4

1d. Penyelenggaraan Aset ICT >>>

Kajian dan penyelenggaraan aset ICT (2021-2023) di JPPM akan dilaksanakan bagi tujuan mengganti, menaik taraf dan memperbaiki prestasi semasa serta keupayaan aset ICT di JPPM.

KPI

Aset ICT diselenggara dengan baik dan dapat digunakan secara optimum

Tahun Sasaran

2021-2023



STRATEGI 2

PENGUKUHAN KAWALAN DAN KESELAMATAN ICT

Kawalan keselamatan ICT dan pusat data/bilik server amat penting dan kritikal agar dapat menjamin kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat.

Program 1

2a. Naik Taraf Infrastruktur Pusat Data/ Bilik Server

Pusat data / bilik server merupakan tunjang kepada fasiliti ICT di JPPM. Oleh itu, program ini amat penting dalam memastikan peralatan pusat data di JPPM sentiasa dalam keadaan baik dan terkini bagi mengurangkan risiko kerosakan berlaku. Program naik taraf ini tidak terhad kepada peralatan sahaja tetapi turut merangkumi perisian, lesen, *firewall*, perkakasan *backup*, UPS, penyaman udara, pemadam api dan peralatan *forti analyzer*.

KPI

Naik taraf dan penyelenggaraan Pusat Data/Bilik JPPM dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan semasa

Tahun Sasaran
2021-2025

Program 2

2b. Pelaksanaan Penempatan Aplikasi Utama Di DRC MAMPU

Penempatan aplikasi utama di DRC MAMPU dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan aplikasi JPPM tidak terjejas sekiranya berlaku sebarang bencana di JPPM. Program ini penting untuk mengurangkan risiko keselamatan aplikasi dan data JPPM selain menempatkan infrastruktur ICT di dalam persekitaran yang lebih baik.

KPI

Semua aplikasi utama JPPM (termasuk Sistem eROSES 2.0) ditempatkan di DRC MAMPU

Tahun Sasaran
2021-2022

Program 3

2c. Penambahbaikan Rangkaian Komunikasi di Ibu Pejabat dan JPPM Negeri

Dalam meningkatkan kecekapan operasi, penambahbaikan rangkaian komunikasi di Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri merupakan elemen penting dalam memastikan perkhidmatan di JPPM sentiasa efektif dan efisien.

KPI

Pengkabelan LAN dan rangkaian WiFi selesai dinaik taraf

Tahun Sasaran
2022

Program 4

2d. Perolehan Sewaan Peralatan CCTV dan Face Recognition serta Backup Storage

Kawalan keselamatan pejabat di JPPM meliputi kawalan keselamatan fizikal dan kawalan keselamatan logikal. Kawalan keselamatan fizikal adalah kawalan akses masuk ke pejabat yang hanya diberikan kepada kakitangan JPPM sahaja. Bagi kakitangan yang tiada kebenaran akses secara langsung, pelawat, pembekal dan lain-lain akan diiringi oleh kakitangan JPPM melalui pemantauan CCTV dan *Face Recognition*.

KPI

Perolehan secara berkontrak tiga (3) tahun selesai dilaksanakan

Tahun Sasaran
2021 & 2024

Program 5

2e. Pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA) >>>>

SPA dilaksanakan bagi menentukan tahap keselamatan rangkaian dan aplikasi Jabatan dengan mengenal pasti ancaman dan kelemahan seterusnya mengenal pasti langkah bagi peningkatan dan pengukuhan keselamatan rangkaian dan sistem aplikasi. Objektif program ini adalah untuk memenuhi keperluan ke arah pensijilan ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System (ISMS)*.

A circular icon with a teal and blue gradient, containing the text 'KPI' in bold black letters. A horizontal line extends from the left side of the circle.

KPI

Pelaksanaan SPA bagi tahun 2022
dan 2024 selesai dilaksanakan

A circular icon with a dark blue background and a white border, containing the text 'Tahun Sasaran 2022 & 2024' in white.

**Tahun
Sasaran
2022 & 2024**



vivo S1 Pro
48MP AI Quad Camera



TERAS 3

**PEMANTAPAN TADBIR
URUS ICT
DAN MODAL INSAN**



TERAS 3

PEMANTAPAN TADBIR URUS ICT DAN MODAL INSAN



Pengurusan ICT merupakan elemen penting kepada pelaksanaan PSICT JPPM. Penyediaan polisi dan garis panduan yang jelas secara tidak langsung akan dapat memacu hala tuju PSICT JPPM supaya selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan di samping melaksanakan program latihan dan pembudayaan ICT memastikan kompetensi pegawai mencapai tahap yang cemerlang.



**PENGUKUHAN
PEMBANGUNAN
DASAR DAN TADBIR
URUS ICT**



**PENGUKUHAN STRUKTUR
PENGURUSAN ICT DAN
PENARAFAN**



**PENGUKUHAN
PEMBANGUNAN KAPASITI
MODAL INSAN
DAN PEMBUDAYAAN ICT**





STRATEGI 1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN DASAR DAN TADBIR URUS ICT

Pengoperasian JPPM secara keseluruhan melibatkan penggunaan ICT dan ini menjadikan dasar dan pengurusan ICT perlu diberi penekanan dalam memastikan projek ICT lebih terurus dan terancang.

Program 1

1a. Pembangunan Dasar dan Polisi ICT

Selaras dengan teknologi semasa yang sentiasa berkembang, pematuhan dasar ICT perlu dikuatkuasakan bagi memastikan pengurusan ICT JPPM lebih sistematik dan efisien.

KPI

Empat (4) garis panduan,
tiga (3) polisi dan empat (4)
SOP selesai dibangunkan

**Tahun
Sasaran
2022-2024**

Program 2

1b. Kemaskini Polisi dan Prosedur ICT Secara Berkala

PSICT merupakan satu garis panduan pelaksanaan projek ICT selaras dengan keutamaan operasi dan keperluan pengurusan bagi tempoh masa tertentu. PSICT sedia ada di JPPM haruslah sentiasa dipantau dan dikemaskini bagi memastikan dokumentasi sedia ada adalah selaras dengan keperluan semasa JPPM.

KPI

DKICT dan DRP JPPM
dikemaskini secara berkala

**Tahun
Sasaran
2021-2022**

Program 3

1c. Penambahbaikan Struktur Tadbir Urus ICT

Struktur pengurusan ICT JPPM perlu dimantapkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan ICT yang disediakan kepada warga JPPM. Sehubungan itu, struktur tadbir urus ICT di JPPM perlu ditambahbaik selaras dengan keperluan semasa.

KPI

- JPICT JPPM dua (2) kali setahun
- JK Laman Web JPPM dua (2) kali setahun
- JK ISMS dua (2) kali setahun
- JK Kerja Projek ICT tiga (3) kali setahun



**Tahun
Sasaran**
2021-2025



STRATEGI 2

PENGUKUHAN STRUKTUR PENGURUSAN ICT DAN PENARAFAN

Struktur organisasi ICT di JPPM perlu disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan keupayaan pengurusan ICT diseimbangkan dengan keperluan JPPM di samping melaksanakan pematuhan dan penarafan perkhidmatan ICT JPPM.

Program 1

2a. Semakan Semula Struktur Organisasi ICT

Semakan struktur organisasi termasuklah penambahan perjawatan baharu dapat menyumbang kepada sinergi dan kecekapan BPTM.

KPI

Penstrukturan baharu
BPTM diluluskan



**Tahun
Sasaran**
2021-2022



Program 2

2b. Pelaksanaan Peluasan Skop Persijilan ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System (ISMS)*

JPPM perlu mewujudkan pendekatan yang sistematik untuk melindungi maklumat terperingkat Jabatan daripada pelbagai ancaman siber. Pelaksanaan peluasan persijilan ISMS ke JPPM Negeri akan memastikan keselamatan maklumat JPPM adalah terpelihara dan mengurangkan risiko dan pencerobohan maklumat Jabatan.

KPI

Peluasan ke lima (5) JPPM Negeri selesai dilaksanakan



Tahun Sasaran
2021-2025

Program 3

2c. Pemantauan Pelaksanaan PSICT JPPM Secara Berkala

PSICT merupakan satu garis panduan pelaksanaan projek ICT selaras dengan keutamaan operasi dan keperluan pengurusan bagi tempoh masa tertentu. PSICT sedia ada di JPPM haruslah sentiasa dipantau dan dikemaskini bagi memastikan dokumentasi sedia ada adalah selaras dengan keperluan semasa JPPM.

KPI

PSICT JPPM disemak secara berkala



Tahun Sasaran
2021-2025



STRATEGI 3

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KAPASITI MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT

Pemantapan kemahiran dan pengetahuan ICT perlu melibatkan semua warga JPPM dengan memberikan pendedahan yang bersesuaian untuk memastikan JPPM mempunyai tenaga kerja yang kompeten dan lebih berinovasi dalam melaksanakan tugas seharian.

Program 1

3a. Perancangan Kursus ICT Jangka Sederhana dan Sistemik



JPPM perlu mengenal pasti kekuatan semasa, masalah dan peluang penambahbaikan dalam meningkat kemahiran ICT bagi semua warga JPPM. Bidang kritikal yang amat diperlukan hendaklah diberi keutamaan supaya JPPM dapat bergerak seiring dengan perubahan teknologi ICT semasa. Oleh itu, satu (1) pelan perancangan latihan komprehensif perlu disediakan.

KPI

Satu (1) pelan latihan ICT tahunan yang lengkap diterbitkan



**Tahun
Sasaran
2021-2025**

Program 2

3b. Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran ICT

Pelaksanaan program latihan ICT ini perlu diadakan secara tahunan agar dapat meningkatkan tahap kompetensi warga JPPM dan dapat menghasilkan modal insan yang produktif dengan adanya pendedahan kemahiran dan pengetahuan ICT.

KPI

Dua belas kursus teknikal, dua (2) kursus tadbir urus, lima (5) sesi ToT dan lima (5) sesi *technology update* selesai dilaksanakan

Tahun
Sasaran

2021-2025

Program 3

3c. Pelaksanaan Program Pembudayaan ICT

Kesedaran untuk menggunakan segala aplikasi berasaskan ICT perlu dipupuk melalui pembudayaan ICT. Hal ini penting supaya segala pelaksanaan dalam urusan kerja selari dengan perubahan semasa Pembentukan budaya ini juga dapat merangkumi pemahaman samada di peringkat kakitangan dan juga kepada pelanggan yang berurusan dengan JPPM.


KPI

Dua (2) Program Kesedaran ICT, Hebahan/Publisiti ICT secara berkala dan dua (2) *online training*

Tahun
Sasaran

2022-2024

PELAN PELAKSANAAN INISIATIF ICT JPPM 2021-2025



◆ ◆ ◆ **FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN** ◆ ◆ ◆

Faktor kritikal kejayaan merupakan salah satu kriteria yang penting dalam pelaksanaan Pelan Strategik ICT JPPM (2021-2025). Bagi memastikan setiap pelaksanaan tercapai, faktor-faktor di bawah perlu diambil kira oleh setiap Bahagian/JPPM Negeri dan personel yang terlibat. Faktor-faktor yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:





PENUTUP

Pelan Strategik ICT JPPM 2021 – 2025 merupakan pelan yang dibangunkan bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan digital JPPM dalam mengurus dan mengawal selia pertubuhan di Malaysia. Sebanyak lapan (8) strategi dan 27 program ICT yang terkandung dalam dokumen ini perlulah difahami dan dihayati oleh semua warga JPPM seterusnya dapat memacu pantas pembangunan masyarakat sivil yang cemerlang menjelang tahun 2025.



JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT JPPM 2021 – 2025

PENGARAH PROJEK

Encik Wan Zainul Azam bin Khamid@Abdul Majid

PENGURUS PROJEK

Encik Azhar bin Mohd Aris
Dato' Dr. Zahari bin Othman

FASILITATOR

1. Dato' Dr. Zahari bin Othman (Ketua)
2. Hj. Kamarudin bin Hj. Dolmoin
3. Encik Adi Safiuddin bin Zahari
4. Puan Nur Hidayah binti Zahari
5. Nurhaisyam Safreean bin Mohd Satar

URUS SETIA

1. Puan Hazimah binti Ahmad Jasman
2. Puan Halimatuliza binti Abdul Manaf
3. Cik Zulaikha binti Naim
4. Puan Nur Hidayah binti Zahari

AHLI PASUKAN

PASUKAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT

1. Encik Adi Safiuddin bin Zahari
2. Puan Fazilahsul Paridalhaisah binti Mohd Ali
3. Cik Nur Hafiza binti Yaman

PASUKAN APLIKASI DAN PANGKALAN DATA

1. Hj. Kamarudin bin Hj. Dolmoin
2. Puan Norlaili binti Abdul Hamid

PASUKAN TADBIR URUS ICT DAN MODAL INSAN

1. Puan Nur Hidayah binti Zahari
2. Puan Hazimah binti Ahmad Jasman
3. Encik Mohd Rosli bin Che Wan Pura
4. Puan Halimatuliza binti Abdul Manaf
5. Cik Zulaikha binti Naim

SUBJECT MATTER EXPERT (WAKIL BAHAGIAN)

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP)

1. Encik Aris bin Abdul Rahman

Bahagian Pengurusan Pertubuhan (BPP)

1. Encik Mohd Rejab bin Ramli
2. Cik Nor Amira binti Omar

Bahagian Penguatkuasaan (BP)

1. Tuan Shafiee bin Marsidi
2. Tuan Amierul Shahrudin bin Ahmad

JPPM Negeri

1. Encik Mohamad Azhar bin Fadziya (JPPM Kedah)
2. Puan Nurulhuda bin Mohd Akob (JPPM Perak)

